



"Rang undang-undang ini penting untuk menangani keseriusan kesalahan seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak di Malaysia"
Azalina

HARIAN METRO

LULUS AKTA BARU

■ **Kabinet terima RUU kesalahan seksual terhadap kanak-kanak**

Kuala Lumpur

Kabinet semalam meluluskan cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said.

Beliau berkata, sehubungan itu RUU itu dibentangkan di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama, minggu depan.

"Rang undang-undang ini penting untuk menangani keseriusan kesalahan seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak di Malaysia.

Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan lagi perlindungan bagi kanak-kanak daripada penjenayah seksual serta menjaga kebajikan kanak-kanak," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya RUU itu secara amnya memperuntukkan mengenai kesalahan seksual tertentu terhadap kanak-kanak dan hukumannya, sebagai tambahan kepada kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang

termaktub dalam perundangan yang sedia ada.

Azalina yang juga Anggota Parlimen Pengerang turut mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang membuka jalan dan membentuk pasukan pasukan petugas bagi menangani isu jenayah seksual kanak-kanak.

Beliau berkata, kejayaan Seminar Kebangsaan Jenayah Seksual Kanak-Kanak anjuran PERMATA yang berlangsung pada 13 dan 14 Mac lalu juga membuka mata banyak pihak mengenai keperluan rang undang-undang berkenaan untuk memberi persekitaran yang sihat dan selamat kepada kanak-kanak.

Pada Ogos 2016, Perdana Menteri mengumumkan penubuhan sebuah pasukan petugas dengan kadar segera bagi mengkaji dan meneliti isu berkaitan jenayah seks, terutamanya jenayah rogol membabitkan kanak-kanak. Azalina kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bertindak berkaitan jenayah seksual kanak-kanak itu. - BERNAMA

»INFO

■ **Memperuntukkan mengenai kesalahan seksual tertentu terhadap kanak-kanak dan hukumannya.**

■ **Tambahan kepada kesalahan yang sedia termaktub.**

■ **PM umum tubuh pasukan petugas tangani jenayah seksual kanak-kanak.**

■ **Azalina dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bertindak.**

HARIAN METRO

NO. 25/03/2017 (M.S. 13...)